

Eksport kayu, produk kayu diunjur meningkat RM21 billion

KUALA LUMPUR 11 Jun - Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menjangka eksport kayu dan produk kayu meningkat kepada RM21 bilion tahun ini berbanding RM20.5 bilion tahun lepas.

Ketua Pengarah MTIB, Dr. Jalaluddin Harun berkata, unjuran berkenaan akan didorong oleh eksport produk siap dan tambah nilai yang lebih tinggi.

Beliau berkata, lembaga kini berusaha untuk meningkatkan lagi eksport produk tambah nilai dan siap yang memberikan margin keuntungan lebih baik, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada komoditi margin rendah seperti kayu gergaji dan papan lapis.

"Kita akan menggalakkan lebih banyak pengeluaran reka bentuk sendiri (ODM) berbanding dengan pembuatan peralatan tulen (OEM).

"Jika kita hanya bergantung kepada keluaran semula, kita tidak boleh pergi jauh. Kita menghasilkan jumlah yang banyak tetapi sangat sedikit margin (keuntungan)," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Seminar Kebangsaan Penukar Batang Pokok Sawit Kepada Kayu Bergergaji dan Papan Lapis dan Aplikasi Dalam Perabot di sini hari ini.

Seminar itu dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh yang mewakili Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas.

Jalaluddin berkata, antara produk siap, perabot menyumbang RM8.01 bilion kepada eksport tahun lepas.

Sementara itu, mengenai papan lapis sawit, Jalaluddin berkata, produk berkenaan menawarkan potensi besar, berkemungkinan RM4.5 bilion setahun jika pokok dari semua kawasan penanaman semula diproses menjadi papan lapis.

"Pada harga pasaran semasa RM1,100 bagi satu meter padu bagi papan lapis sawit, satu hektar kawasan yang ditebang boleh menghasilkan RM35,000. Purata kawasan penanaman semula tahunan berjumlah 130,000 hektar," katanya.

Beliau berkata, MTIB berusaha untuk meningkatkan pengeluaran papan lapis sawit dan eksport dengan ketersediaan banyak batang pokok kelapa sawit dan harga jualan lebih murah, jika dibandingkan dengan papan lapis kayu.

Pada masa ini, beliau berkata, terdapat hanya lima kilang memproses batang pokok kelapa sawit kepada papan lapis dan penggiat

industri digalakkan untuk menubuhkan lebih banyak kemudahan itu.

Jalaluddin berkata, lembaga juga akan berusaha meningkatkan penyeriman pasaran dan menggalakkan produk batang pokok kelapa sawit, termasuk papan lapis, sebagai produk mesra alam untuk pasar eksport.

Beliau berkata, pada masa ini, nilai eksport papan lapis sawit masih kecil berbanding papan lapis kayu, dengan pasaran eksport terdiri daripada Singapura, China dan United Kingdom.

Tahun lepas, produk kayu uta-

ma termasuk papan lapis dan venir menyumbang RM5.5 bilion kepada eksport.

Sebanyak 10 kertas kerja dibentangkan pada seminar sehari oleh beberapa agensi kerajaan dan universiti, termasuk MTIB, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Universiti Putra

Malaysia (UPM).

Antara topik yang dibincangkan ialah potensi dan penggunaan batang pokok sawit dalam industri kayu gergaji dan papan lapis serta status semasa industri kayu gergaji dan papan lapis negara. - BERNAMA

The graphic features a central circular logo with the text "Ceria BeRaya" in blue and yellow. Above the logo is a family of four (two adults, two children) in traditional Malay attire. The background is a textured grey. Below the logo are several packages of papan lapis in various colors (green, blue, red, orange) with intricate patterns. At the bottom, there are four boxes with promotional offers:

- HADIAH PERTAMA 1x RM10,000
- HADIAH KEDUA 2x RM5,000
- HADIAH KETIGA 3x RM3,000
- HADIAH SAGUHATI 50x RM500

Logos for "PERKHIDMATAN ISLAM" and "100% HALAL" are visible at the bottom.